

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18

## Runtuhan terowong tak jejas pembinaan projek ECRL

### Runtuhan terowong tak jejas pembinaan projek ECRL

**Kuala Lumpur:** Runtuhan terowong bawah tanah bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di sekitar Bentong, tidak menjejaskan kemajuan pembinaan projek mega berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata runtuhan terowong 2 ECRL yang berada 13 meter di bawah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang mendap baru-baru ini, sudah siap dibaik pulih.

Katanya, perincian mengenai runtuhan terowong berkenaan akan dimaklumkan oleh pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dalam masa terdekat.

"Runtuhan terowong sudah siap (dibaik pulih), ia tidak menjejaskan (kemajuan pembinaan projek ECRL).

"Saya sudah arahkan MRL untuk mengeluarkan kenyataan," katanya ringkas ketika ditemui selepas Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai insiden runtuhan terowong ECRL, yang menjadi punca berlaku mendapan tanah berhampiran Plaza Tol Bentong di Kilometer (KM) 66.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, kelmarin.

Mendapan yang berlaku kira-kira jam 8.30 malam itu menyebabkan penutupan kedua-dua arah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, namun tidak membabitkan kemalangan jiwa. Laluan arah Timur dibuka semula pagi tadi.

Kelmarin, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan bahawa insiden tanah mendap itu dikenal pasti berpunca akibat pembinaan terowong ECRL.

Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam satu kenyataan susulan pula memaklumkan, runtuhan terowong 2 ECRL yang berada 13 meter di bawah lebuh raya itu menyebabkan tanah mendap seluas 9.5 meter lebar x 10 meter panjang x 4.3 meter.

Susulan itu, pihak kontraktor sudah mengambil tindakan dengan menimbus kawasan mendapan menggunakan konkrit, sebelum kerja turapan dilaksanakan.

Selain itu, siasatan menyeluruh akan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai langkah pembalikan jangka panjang.